

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING – DAP]**

SOALAN (NO. 191)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan secara terperinci kontijen negara dalam menghadapi Sukan Olimpik 2016 dan berapakah jumlah kos yang terlibat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekuatan kontinjen negara pada kejohanan Olimpik kali ini yang bakal berlangsung pada 5 hingga 21 Ogos 2016 adalah seramai 22 atlet dan 11 pegawai sokongan sains dan perubatan sukan. Manakala anggaran perbelanjaan yang terlibat bagi temasya pada kali ini adalah sebanyak RM 795,150.00.

2. Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) berterusan membuat persiapan rapi dari aspek sains dan perubatan sukan dalam menyiapkan atlet bagi menyertai kejohanan Olimpik Rio 2016. Setiap atlet Olimpik telah dikhususkan pelan spesifik termasuk input daripada sokongan sains sukan seperti suaian fizikal, pemakanan, psikologi, analisis prestasi dan perubatan sukan iaitu bantuan fisioterapi dan rehabilitasi untuk meningkatkan prestasi atlet.

3. Secara spesifik, penekanan ISN adalah dalam 5 aspek utama iaitu taktikal, teknikal, kecergasan, kekuatan mental dan disokong oleh persekitaran dan budaya kondusif yang membolehkan atlet mencapai prestasi puncak. Selain itu, setiap atlet akan dinilai dari segi taktikal, teknikal, psikologi, dan fizikal melalui ujian khusus, penilaian dan kerjasama antara jurulatih, atlet dan kakitangan sokongan sains sukan serta program individu yang dirangka untuk menangani aspek kritikal prestasi atlet yang perlu diberi tumpuan.

SULIT

4. Di samping itu, ISN juga akan menyediakan pasukan perubatan dan sains sukan seperti pegawai perubatan, pegawai fisioterapi, juru urut (*masseur*), pakar psikologi, pakar pemakanan dan penganalisis prestasi dalam usaha untuk memastikan atlet mendapat sokongan saintifik yang optimum.
5. Memandangkan Brazil sedang mengalami penularan virus Zika, ISN sedang memantau dan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko jangkitan virus Zika terhadap pegawai-pegawai dan atlet yang akan menyertai kejohanan Olimpik Rio. Sekiranya berlaku jangkitan terhadap pegawai-pegawai dan atlet di temasya Olimpik Rio, pasukan perubatan ISN akan memantau perkembangan kesihatan dan memberi rawatan rapi terhadap pesakit. Selain itu, atlet juga akan dibekalkan dengan penghalau nyamuk, pembersih tangan, pembersih bilik, semburan pembasmi kuman bilik serta diberikan taklimat berkenaan garis panduan perjalanan yang selamat seperti penjagaan hidrasi, pemakanan yang sihat, *doping* dan lain-lain perkara yang berkaitan. ISN juga akan mendapatkan nasihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan langkah-langkah pencegahan jangkitan virus Zika dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NGA KOR MING
DARIPADA [TAIPING]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk biasiswa Bursary dalam tempoh 2012 hingga 2016 secara satu per satu; dan
- (b) apakah bilangan pelajar yang berjaya memperolehi biasiswa tersebut dalam tempoh tersebut di atas mengikut tahun dan berapa orang pelajar cemerlang tersebut kembali berkhidmat untuk negara kita setelah tamat pengajian.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Pada tahun 2012, Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula menawarkan penajaan di bawah Program Bursary KPM kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan 9A+ dan ke atas. Biasiswa Bursary ini merupakan pengiktirafan Kerajaan kepada pelajar-pelajar terbaik dan cemerlang SPM tahun semasa untuk mereka mengikuti pengajian peringkat persediaan pilihan mereka di dalam negara sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dalam pelbagai bidang sama ada di universiti dalam atau luar negara. Pelajar yang ditawarkan biasiswa Bursary KPM ini boleh memilih mana-mana daripada 5 program persediaan di dalam negara yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu program A-Level, International Baccalaureate (IB), Matrikulasi, Asasi atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Di bawah program penajaan Bursary ini, pelajar diberikan pembiayaan bagi pengajian peringkat persediaan sahaja meliputi Yuran Pengajian dan Elaun Sara Hidup, sebelum pelajar memohon

penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pengajian peringkat Ijazah Pertama. Mulai tahun 2016, Kerajaan telah memutuskan penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM tahun 2015 yang memperolehi keputusan 9A+ ke atas dilaksanakan sepenuhnya oleh JPA di bawah Model Baharu Penajaan.

Jumlah perbelanjaan bagi Program Bursary KPM kepada pelajar cemerlang lepasan SPM tahun 2011-2014 adalah sebanyak RM 10,659,158.07 bagi tahun 2012, 39,895,554.83 bagi tahun 2013, 40,045,300.25 bagi tahun 2014, 39,282,808.48 bagi tahun 2015 dan 14,475,936.28 sehingga 17 Mei 2016. Perbelanjaan ini tidak termasuk penajaan baharu tahun 2016 (lepasan SPM tahun 2015) yang mula dilaksanakan oleh JPA.

b) Sejak dilaksanakan pada tahun 2012, semua pelajar lepasan SPM tahun 2011 hingga 2014 yang memperolehi keputusan 9A+ ke atas ditawarkan biasiswa Bursary oleh KPM secara automatik tanpa pelajar perlu memohon. Jumlah pelajar lepasan SPM tahun 2011 hingga 2014 yang memperolehi keputusan 9A+ ke atas dan ditawarkan biasiswa Bursary KPM adalah seramai 5,429 pelajar, di mana seramai 3,596 pelajar atau 66% bersetuju menerima tawaran biasiswa Bursary KPM. Statistik pelajar lepasan SPM tahun 2011 hingga 2014 yang ditawarkan biasiswa Bursary KPM dan bersetuju menerima tawaran penajaan mengikut tahun (tawaran tahun 2012 hingga 2015) adalah seperti berikut:

1. Bagi tahun 2012 : 1,082 pelajar menerima tawaran bursary dari jumlah 1,561 pelajar yang ditawarkan.
2. Bagi tahun 2013 : 922 pelajar menerima tawaran bursary dari jumlah 1,465 pelajar yang ditawarkan.
3. Bagi tahun 2014 : 919 pelajar menerima tawaran bursary dari 1,349 jumlah pelajar yang ditawarkan.
4. Bagi tahun 2015 : 673 pelajar menerima tawaran bursary dari 1,054 jumlah pelajar yang ditawarkan.
5. Bagi tahun 2016 : sejumlah 714 pelajar yang ditawarkan oleh JPA.

Berdasarkan kohort pertama pelajar biasiswa Bursary KPMambilan tahun 2012, pelajar-pelajar ini dijangka akan menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama pada pertengahan tahun 2017. Sehingga kini, belum ada urusan permohonan dan perlantikan pelajar tajaan Bursary ke dalam Perkhidmatan Awam.